

08 APR 2002

MITI-DIALOG/I

ACCCIM CADANG KEDUDUKAN RINGGIT PERLU KERAP DISIARKAN

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCCIM) mencadangkan kepada Kerajaan untuk lebih kerap menyiarkan kedudukan Ringgit berbanding matawang serantau, bagi mendapatkan tinjauan kadar pertukaran yang lebih baik.

Cadangan itu dibuat sebagai reaksi kepada kebimbangan mengenai sama ada Ringgit akan diturun nilai dan juga penurunan Yen berbanding dolar Amerika baru-baru ini.

Oleh kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan menimbang untuk membuat penetapan semula Ringgit melainkan matawang serantau turun pada purata 20 peratus, petunjuknya adalah untuk menyiarkan kedudukan Ringgit dengan kerap, kata ACCCIM.

Dalam satu memorandum yang dibentangkan di Sesi Dialog Tahunan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2002 di sini, hari ini, ACCCIM, di samping cadangan itu, juga menyediakan pergerakan kadar pertukaran negara-negara serantau berbanding dolar AS bagi tempoh September 1998-Januari 2002.

Bagi pergerakan matawang serantau, Singapura mencatatkan -10.5 peratus), Thailand (-10.6 peratus), Filipina (-14.7 peratus), Indonesia (+4.5 peratus), Korea (+5.3 peratus), Taiwan (-1.9 peratus) dan (+2.7 peratus).

ACCCIM menyatakan angka-angka itu ditambah dengan petunjuk lain seperti kedudukan rizab pertukaran yang kukuh menunjukkan bahawa tiada apa yang perlu dibimbangkan sekiranya sasaran 20 peratus itu adalah petunjuk.

Sementara itu, Gabungan Dewan perniagaan dan perindustri India Malaysia (MAICCI) mencadangkan Kursus Pengarah diperkenalkan oleh Pendaftar Syarikat (ROC) dijadikan mandatori bagi syarikat-syarikat tersenarai awam (PLC) dan kemudiannya syarikat swasta.

MAICCI menyatakan ini akan membolehkan pengarah-pengarah korporat dapat memahami dengan lebih baik tugas, tanggungjawab dan liabiliti pengarah.

Ia yang memuji langkah memperkenalkan Kursus Pengarah itu, menyatakan langkah tersebut mencerminkan satu lagi komitmen penuh oleh kerajaan dalam melaksanakan tadbir urus korporat sebagai sebahagian daripada budaya korporat Malaysia. -- BERNAMA

MAS SD ZK